



SEBAHAGIAN daripada anggota rombongan Jelajah Sabah 2009 UTHM ketika tiba di Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Promosi imej, salur maklumat terkini kepada penduduk setempat

Misi UTHM Jelajah Sabah

Oleh KHADIJAH IBRAHIM
utusanjohor@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 4 Jan. – Kepenatan yang diharung selama seminggu merupakan pengalaman berharga kepada 30 ahli rombongan Jelajah Sabah 2009 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Ramai yang melahirkan perasaan gembira kerana berpeluang menyertai ekspedisi yang julung kali diadakan untuk menjelajah Negeri Di Bawah Bayu itu.

Antara laluan jelajah berkenaan adalah Papar, Beaufort, Weston, Sipitang, Keningau, Semporna, Kundasang dan Sandakan.

Matlamat utama penjelajahan yang bermula 12 Disember lalu bertujuan memberikan pendedahan dan menyampaikan maklumat terkini mengenai UTHM kepada masyarakat setempat.

Selain itu, Penolong Naib Canselor (Hubungan Universiti dan Masyarakat) UTHM, Prof. Dr. Jailani Md. Yunos yang mengetuai konvoi tersebut berkata, penjelajahan itu turut memberi pengalaman baru kepada para pemandu UTHM.

Sepanjang penjelajahan, peserta rombongan yang menaiki kenderaan pacuan empat roda turut melalui jalan tidak bertar dan mencabar.

“Walaupun semua pemandu dapat melalui jalan berbukit dan berliku dengan mudah tetapi yang paling penting dalam konvoi sebegini adalah kerjasama berpasukan.

“Penjelajahan ini bukan sahaja menguji ketahanan mental dan fizikal, malah turut membabitkan soal disiplin, ketepatan waktu



DR. ASRI Selamat memberi nasihat kepada pelajar Rumah Panjang Salarom Taka, Nabawan, Sabah pada program Jelajah Sabah 2009 UTHM, baru-baru ini.

dan yang penting sikap kerjasama,” katanya.

Jailani berkata, pengalaman yang diperoleh para pemandu bakal dipraktik bagi menyertai program Kembara Mahkota Johor yang diterajui oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar selaku Canselor UTHM.

Selain itu, beliau berkata, tindakan susulan akan dilakukan oleh pihak universiti berikutnya aktiviti promosi yang dilakukan

oleh rombongan.

Jailani memberitahu, di samping mempromosi imej dan maklumat terkini UTHM, pihak universiti juga tidak lupa melaksanakan tanggungjawab sosial.

Justeru, walaupun jadual penjelajahan tidak direncanakan namun peserta tetap mengadakan lawatan mengunjungi para mangsa kebakaran Kampung Air Semporna.

“Pihak UTHM sentiasa peka kepada per-

sekitaran. Semoga sumbangan yang diberi dapat memberi kecerian kepada mangsa tragedi itu.

“Sumbangan sebegini kita lakukan tanpa mengira tempat. Malah pihak UTHM pernah memberi sumbangan kepada mangsa tsunami di Aceh dan gempa bumi di Padang,” katanya.

Penjelajahan selama seminggu yang turut disertai kakitangan akademik, pegawai pentadbiran dan penuntut itu turut mengadakan kunjungan ke Rumah Anak Yatim Ar-Raudhoh, Tawau.

Semasa di rumah anak yatim tersebut, Pengarah Pusat Kaunseling dan Pembangunan Pelajar, Dr. Asri Selamat turut memberi ceramah motivasi kepada 19 penghuni rumah berkenaan.

Malah, UTHM juga akan menyumbang komputer dalam masa terdekat untuk kemudahan para penghuni, selain menjadikan rumah kebajikan tersebut sebagai anak angkat.

“Selakut ini kami sudah ada beberapa rumah kebajikan dan sekolah yang menjadi anak angkat UTHM. Tujuan kami hanya satu iaitu ingin melihat kejayaan tempat tersebut.

“Meskipun terpisah jauh, namun UTHM tetap akan menyalurkan segala info berkaitan pendidikan kepada penghuni di sini,” katanya.

Dalam perkembangan lain, rombongan UTHM juga berkesempatan mengadakan kunjungan ringkas ke Kolej Komuniti Tawau dan rumah panjang kaum Murut di Salarom Taka, Nabawan.